

Headline	Ahli entomologi terokai dunia serangga		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Varsiti	Circulation	69,985
Page No	V56	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	496 cm ²
Journalist	Nas Norziela Nasbah	AdValue	RM 17,098
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,293



Ahli entomologi terokai dunia serangga



Dr Zubaidah

➔ Bidang ini berkaitan hubungan antara manusia dan alam sekitar

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sebut mengenai kerjaya entomologi mungkin ramai yang tidak tahu, namun bagi mereka yang arif dalam zoologi pastinya bidang itu penting kerana memabatkan penyelidikan serangga dan hubungan dengan manusia serta alam sekitar.

Pensyarah Kanan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC), Universiti Malaya (UM), Dr Zubaidah Ya'cob, berkata secara keseluruhannya terdapat sejumlah 1.3 juta spesies serangga yang dikenal

pasti, menjadikan jumlahnya hampir dua pertiga daripada semua organisma hidup di muka bumi.

Beliau berkata, sebahagian daripada keluarga serangga mempunyai sejarah kewujudannya bermula seawal 400 juta tahun lalu berdasarkan rekod fosil.

Katanya, pakar entomologi bukan sahaja mampu menawarkan khidmat perundingan kepada pihak dan agensi yang memerlukan, malah mampu mengambil bahagian dalam penggubalan polisi kerajaan berkaitan alam sekitar.

"Ilmu entomologi juga diperlukan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bidang pengajian lain seperti epidemiologi, imunologi, parasitologi, bioteknologi dan bioinformatik.

"Secara tidak langsung saya jadikan bidang entomologi sebagai terapi diri kerana apabila saban hari bekerja dengan pelbagai bentuk serangga dan mendalami kejadian serangga secara spesifik, kita mampu melihat kesempurnaan kejadian Tuhan secara dekat.

"Setiap pembinaan organ serangga, walaupun bersaiz

kecil tetapi sangat kompleks dan sempurna ciptaannya, pasti membuka mata sesiapa saja yang melihatnya untuk lebih bersyukur dengan setiap anugerah di dalam kehidupan," katanya.

Pelbagai cabaran


Berkongsi akan cabaran sebagai ahli entomologi, Dr Zubaidah berkata, ia terbahagi kepada tiga lokasi bertugas seperti di lapangan dan makmal.

"Apabila seseorang ahli entomologi itu bertugas di lapangan, mereka memerlukan kreativiti, kesabaran dan minat berterusan.

"Ahli entomologi yang bekerja di makmal pula perlu berhadapan dengan cabaran seperti proses mengenalpasti serangga yang perlu dilakukan secara berhati-hati bagi mengelak sebarang kesilapan dalam penyebaran ilmu yang dikaji.

"Selain itu, di makmal mengundangi cabaran kepada entomologi kerana perlu berdepan dengan bahan kimia yang mengganggu deria seperti meta-nol dan kalium hidroksida," katanya.

Sebagai pakar dalam bi-



dang entomologi, Dr Zubaidah turut menasihatkan generasi muda yang ingin menceburkan diri dalam bidang itu antaranya perlu melengkapkan diri dengan

pengetahuan semasa mengenai perkembangan kajian berkaitan serangga.

"Teruskan mencari bidang yang boleh menarik perhatian di bawah payung bidang

info

➔ **Entomologi** satu cabang kajian zoologi berkaitan serangga dan hubungannya dengan manusia serta alam sekitar.

➔ **Antara** keperluan asas kelayakan bidang ini adalah kemasukan ke program pengajian ijazah sarjana muda ekologi dan biodiversiti.

➔ **Antara kerjaya dalam bidang entomologi;**

- **Ahli** kaji serangga Kementerian Kesihatan atau pembantu penyelidik di universiti dan badan bukan kerajaan (NGO) seperti *Malaysian Nature Society (MNS)* dan *World Wildlife Foundation (WWF)*.

- **Pegawai** entomologi di syarikat swasta yang berkecimpung dalam aktiviti kawalan vektor atau perlindungan tanaman

- **Pegawai** penyelidik di institusi penyelidikan seperti Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN)

- **Kurator** muzium tempatan atau antarabangsa, atau perunding di syarikat swasta yang berkaitan dalam bidang penilaian impak alam sekitar (EIA).

entomologi, contohnya seperti penyelidikan serangga perubatan, serangga perusak; serangga industri dan penghasilan makanan haiwan ternakan," katanya